

CHALLENGES AND SOLUTIONS OF LEARNING ARABIC LANGUAGE IN MALAYSIA

CABARAN DAN SOLUSI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA

Rosni Samahⁱ & Aishah Isahakⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Profesor, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
rosni@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
aishah@usim.edu.my

Received: 17 June 2024

Article Progress
Revised: 3 July 2024

Accepted: 19 August 2024

Abstract	<p><i>Learning Arabic has developed in Malaysia since the pondok system up to today's school system and higher education institutions. Many researchers have conducted research on the issue of learning Arabic to obtain higher degrees such as master's degrees and PhDs. There are many books and journal articles produced and published on the issue of learning Arabic. The main challenge in learning Arabic is the weakness of students in mastering the Arabic language. This study will discuss the challenges presented by previous studies and present solutions that can be a guideline to overcome these problems. This study uses a qualitative method through a structured interview instrument to obtain the data about the solutions to the problems faced by the student. The findings of this study show that there are lingering problems and solutions that can be applied in the learning process to improve students' proficiency in Arabic language. This finding can be adapted by certain bodies to improve Arabic language learning in the future.</i></p> <p>Keywords: Arabic Language, Teaching Method, Strategy, Environment, Arabic Teacher.</p>
Abstrak	<p><i>Pembelajaran bahasa Arab telah berkembang di Malaysia sejak sistem pondok sehinggalah kepada sistem persekolahan pada hari ini dan institusi pengajian tinggi. Ramai penyelidik yang telah menjalankan penyelidikan tentang pembelajaran bahasa Arab untuk mendapat ijazah tinggi seperti ijazah sarjana dan doktor falsafah. Terdapat banyak buku-buku dan artikel jurnal yang dihasil dan diterbitkan tentang isu pembelajaran Bahasa Arab. Cabaran utama dalam pembelajaran ini adalah kelemahan pelajar menguasai bahasa Arab. Kajian ini akan membincangkan cabaran yang dikemukakan oleh kajian-kajian lepas dan mengemukakan solusi yang boleh menjadi panduan bagi mengatasi masalah tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui instrumen temu bual berstruktur bagi mendapatkan data tentang solusi bagi masalah yang dihadapi. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat permasalahan yang berlarutan dan solusi yang boleh diaplikasikan dalam proses pembelajaran bagi meningkatkan prestasi penguasaan bahasa Arab pelajar. Dapatan ini juga boleh diadaptasi oleh badan-badan tertentu untuk meningkatkan pembelajaran bahasa Arab di masa hadapan.</i></p> <p>Kata kunci: Bahasa Arab, Kaedah Pengajaran, Strategi, Persekitaran, Guru Bahasa Arab.</p>

PENDAHULUAN

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah bermula secara tidak rasmi sejak kedatangan Islam ke alam Melayu lagi. Pusat-pusat pengajian terdiri daripada surau, tempat ibadah dan juga istana. Tujuan pembelajarannya adalah untuk beribadah dan memahami pengajian Islam. Pada peringkat awal, pembelajarannya terbatas kepada sebutan dan bacaan dalam ibadah termasuklah bacaan wajib dalam sembahyang dan ibadah-ibadah yang lain. Selepas itu ia berkembang untuk mempelajari ilmu Islam yang terdapat dalam bahasa Arab. Ramai alim ulama Arab yang datang ke alam Melayu untuk menyebarkan Islam dan mereka menjadi guru dalam pembelajaran bahasa Arab. Begitu juga mereka turut mengarang dan menterjemah buku-buku dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu (Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah, 2007).

Perkembangan pembelajaran bahasa Arab dengan lebih aktif dan meluas dapat dilihat dalam sistem pengajian pondok. Tujuannya adalah untuk memahami kitab-kitab Arab yang mengandungi ilmu-ilmu Islam. Justeru itu, pembelajarannya tertumpu kepada kemahiran membaca sahaja dan memberi fokus kepada subjek nahu dan sorf serta balaghah. Pembelajaran bahasa Arab di peringkat ini lebih berfokus kepada memahami kitab turath dengan bacaan baris yang betul dari sudut nahu dan sorf serta memahami makna susunan ayat. Pelajar yang mahir nahu dan sorf dapat membaca dan memahami kitab dengan baik (Rosni Samah, 2009).

Pembelajaran bahasa Arab secara menyeluruh yang merangkumi empat kemahiran bahasa dapat dilihat dalam sistem madrasah dengan dimasukkan subjek-subjek berkaitan dengan kemahiran membaca dan mendengar seperti mutolaah dan nusus, kemahiran menulis seperti insyak dan kemahiran bertutur seperti muhadathah. Subjek-subjek kemahiran ini terdapat dalam sukatan peperiksaan Sijil Tinggi Agama (STAM) (Zainur Rijal et al., 2019). Pembelajaran bahasa Arab secara empat kemahiran ini telah ditawarkan dalam sistem sekolah seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) pada hari ini dan juga di peringkat pengajian tinggi seperti IPTS dan IPTA.

Pembelajaran bahasa Arab merentas masa yang begitu panjang. Namun begitu isu dan permasalahan tetap timbul yang merupakan cabaran kepada pentadbir untuk mengatasinya. Objektif kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab serta mengemukakan solusi bagi mengatasi cabaran tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui semakan kajian lepas dan instrument temu bual berstruktur. Analisis kandungan melalui semakan bahan kajian lepas digunakan bagi mendapat data tentang isu dan cabaran dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Isu dan cabaran tersebut difokuskan kepada empat elemen seperti berikut:

1. Kelemahan pelajar disebabkan kurang motivasi dan kurang penggunaan strategi.
2. Sukatan Pelajaran yang kurang berfokus kepada Kemahiran.
3. Kaedah pengajaran guru yang kurang berpusatkan pelajar dan lebih menggunakan teknik terjemahan.
4. Persekitaran pembelajaran yang kurang diwujudkan.

Instrument temu bual secara berstruktur digunakan bagi mendapatkan data tentang solusi terhadap masalah yang dihadapi. Soalan temubual dibahagikan kepada empat skop focus yang berkaitan dengan permasalahan di atas. Seramai lima orang pakar bahasa dipilih sebagai peserta dan dikemukakan soalan yang disediakan. Jawapan mereka dikumpul dan dipilih tiga peserta yang mempunyai jawapan yang paling sesuai. Setiap peserta ditandakan dengan huruf P dan diikuti dengan nombor mengikut giliran.

DAPATAN KAJIAN

Penjelasan bagi setiap cabaran yang dikenal pasti disertakan dengan solusi dan juga pandangan peserta kajian dibincangkan seperti berikut:

1. Kelemahan Pelajar Disebabkan Kurang Motivasi Dan Kurang Menggunakan Strategi

Kajian lepas menunjukkan pelajar-pelajar menggunakan strategi pembelajaran bahasa pada peringkat sederhana dan rendah. Peserta kajian mencadangkan supaya pelajar diperkenalkan dengan strategi pembelajaran bahasa yang efektif bagi menyuntik motivasi belajar. Cadangan yang diutarakan oleh mereka adalah seperti berikut:

P1: "Kita tengok pelajar kita sekarang ni belajar hanya menunggu guru sahaja. Sepatutnya mereka kena berusaha lebih dengan banyak membaca dan menonton filem..."

P2: "Ya... pelajar kita perlu belajar strategi pembelajaran bahasa untuk diaplikasi semasa belajar. Dengan strategi tersebut motivasi mereka dapat ditingkatkan dan juga penguasaan bahasa dapat ditambah..."

P5: "Strategi bahasa ni penting dalam belajar bahasa. Strategi ni juga dapat menyuntik motivasi dan meningkatkan penguasaan..."

Kesimpulannya pelajar hendaklah menggunakan strategi pembelajaran bahasa bagi menyuntik motivasi dan meningkatkan penguasaan bahasa Arab mereka.

2. Sukatan pelajaran yang kurang berfokus

Pembelajaran bahasa Arab tidak mempunyai satu standard yang boleh dipegang. Masing-masing stake holder merangka dan menyediakan sukatan mengikut keperluan mereka sendiri. Oleh sebab itu muncullah kepelbagaian sukatan mengikut setiap institusi. Dalam pembelajaran bahasa asing pada hari ini terdapat satu standard untuk pembelajaran bahasa yang dikenali sebagai CEFR iaitu *The Common European Framework of Reference for Languages*.

Standard ini telah diterjemah ke dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Arab. Pembelajaran bahasa Arab boleh mengadaptasi standard ini yang merupakan piawaian antarabangsa untuk menerangkan keupayaan bahasa. Ia menerangkan keupayaan bahasa pada skala enam mata, daripada A1 untuk pemula, sehinggalah C2 untuk mereka yang telah menguasai sesuatu bahasa.

Ia meliputi empat kemahiran dengan enam tahap seperti di bawah:

- A (Pengguna asas) ...
- A2 (Rendah) ...
- B (Pengguna bebas) ...
- B2 (Atas perantaraan) ...
- C (pengguna mahir) ...
- C2 (Penguasaan atau kemahiran)

Sukatan dan bidang bahasa turut dijelaskan mengikut tahap. Begitu juga tahap kesukaran teks juga dijelaskan dalam standard ini. Peserta kajian memberi pandangan tentang keperluan penggunaan standard ini bagi meningkatkan pembelajaran bahasa Arab seperti di bawah:

P2: "Kita perlu gunakan standard ini bagi membentuk kemahiran bahasa yang disasarkan sebab standard ni dah tetapkan tahap yang hendak disasar..."

P4: "Standard ini sesuai digunakan kerana ia menerangkan bidang dan laras bahasa yang perlu dikuasai mengikut tahap..."

P5: "Kita boleh sasarkan pelajar kita mengikut tahap dengan menggunakan sukatan yang dinyatakan. Standard ni bagus dan sesuai untuk bahasa asing, terutamanya bahasa Arab yang belum ada satu standard pun untuk dipegang..."

Peserta kajian menyokong penggunaan standard ini untuk pembelajaran bahasa Arab.

3. Kaedah Pengajaran Guru Yang Kurang Berpusatkan Pelajar Dan Lebih Menggunakan Teknik Terjemahan

Bagi mengaktifkan proses pembelajaran dan pengajaran, guru hendaklah menggunakan strategi dalam pengajaran (Rosni Samah et al., 2020) dan menggunakan bahasa Arab sebagai medium pengajaran serta alat bantu mengajar yang sesuai. Pembelajaran bahasa Arab pada hari ini hendaklah berlaku reformasi daripada cara tradisional yang bergantung kepada guru dan terjemahan sahaja. Kaedah pembelajaran hendaklah mengikut perkembangan semasa seperti pembelajaran berpusatkan pelajar di mana kurikulum, aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penilaian adalah berfokuskan kepada murid.

Kaedah pengajaran yang dikendalikan oleh guru amat penting bagi memastikan objektif tercapai. Peserta kajian turut menyokong agar pendekatan pembelajaran hendaklah berpusatkan guru dan menggunakan bahasa Arab seperti berikut:

P1: "Guru hendaklah menjadi sebagai pemudah cara sahaja dalam kelas dan melaksanakan pembelajaran dengan berpusatkan pelajar dan menggunakan bahasa Arab dalam kelas..."

P3: "Pembelajaran berpusatkan pelajar ni mudah saja. Guru sebagai pemudah cara. Aktiviti pembelajaran serah kepada pelajar. Boleh guna perbagai teknik..."

P5: "Guru hendaklah menggunakan strategi yang sama dengan strategi pelajar, barulah pelajar boleh menggunakan strategi seperti pengajaran berpusatkan murid..."

Peserta kajian mencadangkan supaya pengajaran berpusatkan murid dengan pelbagai teknik serta menggunakan bahasa Arab.

4. Persekitaran Pembelajaran Yang Kurang Diwujudkan

Bagi meningkatkan penguasaan bahasa pelajar, persekitaran hendaklah diwujudkan di dalam kelas dengan kepelbagaian aktiviti yang boleh dilaksanakan dalam bahasa Arab. Begitu juga guru hendaklah menggunakan bahasa Arab dalam proses pengajaran. Aktiviti bahasa di luar kelas juga perlu diwujudkan untuk meningkatkan penguasaan bahasa pelajar dengan lebih berkesan.

Persekitaran bahasa perlu dihidupkan bagi membantu pelajar menggunakan bahasa dalam situasi sebenar. Persekitaran ini perlu dimulakan di dalam kelas melalui proses pembelajaran yang menggunakan bahasa Arab. Guru hendaklah membiasakan pelajarannya menggunakan bahasa dalam kelas. Begitu juga aktiviti luar kelas dengan menggunakan bahasa Arab, perlu dirancang dan dihidupkan. Guru hendaklah selalu menggunakan bahasa Arab ketika bertemu dengan pelajar. Aktiviti bahasa ini boleh dihidupkan dalam pelbagai bentuk seperti sukan, kuiz, gotong royong dan aktiviti santai. Peserta kajian menyokong agar persekitaran bahasa diwujudkan seperti di bawah:

P1: "Memang betul pembelajaran bahasa hendaklah mewujudkan persekitaran bahasa. Secara mudahnya, proses pembelajaran hendaklah menggunakan bahasa sasaran yang boleh membiasakan pelajar dengan penggunaan bahasa..."

P4: "Guru hendaklah selalu bercakap Arab dengan pelajar, tak kira lah dalam kelas atau luar kelas. Begitu juga guru hendaklah menggalakkan pelajar menggunakan bahasa sasaran sesama mereka terutama dalam kelas..."

P5: "Selain dalam kelas, persekitaran hendaklah diwujudkan bagi memberi peluang kepada pelajar menggunakan bahasa. Aktiviti luar ni,, banyak boleh diwujudkan terutama gotong royong dan sukan dengan menggunakan bahasa Arab..."

Peserta kajian menyokong agar cabaran yang dihadapi dalam proses pembelajaran bahasa Arab dapat diatasi dengan memberi cadangan seperti dalam rajah 1 di bawah:

Cabaran	Solusi
Kelemahan pelajar: motivasi dan strategi	Memperkenalkan strategi bagi menyuntik motivasi
Sukatan kurang berfokus	Cadangan penggunaan CEFR
Pendekatan guru: berfokus guru dan kaedah terjemahan	Pendekatan berfokuskan pelajar dan menggunakan bahasa Arab
Kurang persekitaran bahasa dan kurang penggunaan bahasa Arab	Mewujudkan persekitaran bahasa dan sentiasa menggunakan bahasa Arab

Rajah 1: Cabaran dan Solusi

PERBINCANGAN

Perbincangan dalam kajian lepas menunjukkan kelemahan pelajar menguasai bahasa Arab, sedangkan mereka mempelajari banyak subjek-subjek yang menggunakan bahasa Arab sebagai medium utama. Kelemahan ini terdapat di peringkat sekolah mahupun universiti yang telah diperkatakan sejak tahun 90an lagi (Osman Khalid, 1993; Ab. Rahim Ismail, 1994; Siti Saudah Hasan, 1994; Tarmizi, 1997) sehinggalah sekarang seperti kajian yang dilakukan oleh Rosni Samah (2009), Abdul Razif et al. (2017), Izzah Syakirah dan Rosni Samah (2020), serta Rosni Samah et al. (2023). Hasil daripada tinjauan beberapa kajian lepas dapat dirumuskan cabaran seperti berikut:

- 1) Kelemahan berpunca daripada diri pelajar sendiri yang kurang bermotivasi dan berstrategi.
- 2) Sukatan pelajaran yang kurang berfokus.
- 3) Kaedah pengajaran guru yang kurang berpusatkan pelajar dan lebih menggunakan kaedah terjemahan.
- 4) Persekitaran pembelajaran yang kurang diwujudkan.

Penjelasan bagi setiap cabaran yang dikenal pasti akan disertakan dengan solusi melalui pandangan peserta kajian yang diperolehi melalui sesi temu bual. Kelemahan pelajar yang disebabkan oleh kurang motivasi dan kurang menggunakan strategi adalah berpunca dari pada diri pelajar sendiri dan juga kaedah pembelajaran. Pendekatan yang kurang melibatkan pelajar menyebabkan mereka hanya menunggu sahaja untuk mendapatkan maklumat. Dengan sebab itu mereka kurang menggunakan strategi pembelajaran bahasa secara sendiri.

Mengikut kajian-kajian lepas, pelajar menggunakan strategi pembelajaran bahasa pada tahap sederhana dan juga rendah seperti kajian yang dijalankan oleh Kamarul Syukri Mat Teh (2009), Rosni Samah (2014), serta Linamalini Mat Nafi dan Kamarul Shukri Mat Teh (2020). Peserta kajian mencadangkan agar pelajar diperkenalkan dengan strategi pembelajaran bahasa yang efektif bagi menyuntik motivasi belajar. Cadangan ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Rosni Samah et al. (2016) yang menjelaskan pelajar yang cemerlang bahasa banyak menggunakan strategi. Mereka turut menyenaraikan strategi yang digunakan oleh pelajar cemerlang. Nik Fairuz Azrin dan Harun Baharudin (2020) mencadangkan agar guru memberi pendedahan terhadap strategi penguasaan kosa kata Bahasa Arab yang berkesan kepada murid untuk diamalkan sama ada di dalam atau di luar kelas.

Mengikut pendapat Najah Nasuha Mohd Yunus, & Harun Baharudin (2024), pelajar perlu diberi kesedaran tentang kepentingan penggunaan strategi pembelajaran sebutan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur dan. Guru bahasa Arab juga perlu memainkan peranan untuk mendorong pelajar mempelajari dan mendalami bahasa Arab dengan semaksimal mungkin.

Kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara penggunaan strategi dan motivasi. Semakin tinggi penggunaan strategi semakin tinggi tahap motivasi

belajar bahasa seperti kajian Jamil Sobri Mohd Zain (2021) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan penguasaan bahasa Arab.

Berhubung dengan sukatan bahasa Arab yang kurang berfokus, ini berlaku kerana pembelajaran bahasa Arab tidak mempunyai satu standard yang digubal khusus bagi mengukur tahap dan kompetensi bahasa. Setiap badan dan juga stake holder merangka dan menyediakan sukatan mengikut keperluan yang mereka sasarkan. Dengan sebab itu muncullah kepelbagaian dalam sukatan dan buku teks. Dalam pembelajaran bahasa asing pada hari ini, terdapat satu standard yang merupakan piawaian antarabangsa untuk pembelajaran bahasa iaitu *The Common European Framework of Reference for Languages* yang dikenali sebagai CEFR.

Terdapat standard ini yang telah diterjemah ke dalam bahasa Arab untuk penggunaan pembelajaran bahasa Arab. Sukatan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia pada hari ini boleh mengadaptasi standard ini untuk merangka kurikulum bagi memberi nafas keupayaan bahasa Arab. Sukatan dan bidang bahasa turut dijelaskan mengikut tahap. Begitu juga tahap kesukaran teks juga dijelaskan dalam standard ini.

Peserta kajian turut menyokong penggunaan standard ini untuk pembelajaran bahasa Arab. Mereka berpendapat bahawa standard ini sesuai diadaptasi dalam merombak kurikulum. Cadangan peserta ini selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Ibtisam Abdullah et al. (2020) yang menyatakan bahawa standard CEFR merupakan satu penanda aras bagi menetapkan standard pengajaran bahasa Arab yang jelas dalam urutan tahap pembelajaran bahasa dan dapat mengetahui sasaran penguasaan bahasa Arab yang harus dicapai peringkat antarabangsa. Standard CEFR ini wajar dilaksanakan dalam kurikulum dan silibus bahasa Arab terutamanya dalam pembinaan modul kemahiran bahasa Arab ini.

Ia merupakan satu pendekatan baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing yang dapat membantu pelajar mencapai tahap penguasaan bahasa dengan baik dan kandungannya merangkumi aspek kebahasaan, keterampilan berbahasa dan kosa kata. Standard ini penting untuk pengajaran bahasa Arab kerana dapat mengukur dan menilai kemampuan menguasai bahasa Arab mengikut sasaran tahap dan kriteria yang telah ditetapkan di samping dapat memperkenalkan budaya.

Begitu juga cadangan mereka selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Muhammad Firdhaus Zulkifli et al. (2023) yang menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab perlu mengadaptasi standard CEFR untuk mencapai tahap kemahiran bahasa yang disasarkan. Justeru itu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia hari ini perlu mengadaptasi standard ini di setiap peringkat pengajian bagi mencapai tahap kemahiran bahasa Arab yang disasarkan.

Berhubung dengan kaedah pengajaran pula didapati hasil kajian lepas menunjukkan bahawa guru banyak menggunakan pendekatan berpusatkan guru dan juga kaedah terjemahan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peserta kajian mencadangkan agar pendekatan pembelajaran hendaklah berpusatkan murid dan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Pendekatan ini boleh mengelakkan daripada menggunakan kaedah terjemahan yang bahasanya hanyalah berada dalam buku sahaja. Kaedah pembelajaran hendaklah mengikut perkembangan semasa seperti pembelajaran berpusatkan murid di mana kurikulum, aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penilaian adalah berfokuskan kepada murid. Cadangan peserta kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh beberapa penyelidik sebelum ini seperti kajian yang dijalankan oleh Rosni Samah (2013) yang menjelaskan antara ciri-ciri pembelajaran berpusatkan murid adalah seperti berikut:

- Murid memainkan peranan utama dalam proses pembelajaran.
- Komunikasi dua hala di antara pelajar sesama pelajar dan guru.
- Guru lebih banyak merangsang serta membimbing seperti menyoal.
- Objektif dan target pencapaian murid diutamakan.
- Peluang interaktif yang positif sesama murid.

Pendekatan ini bertujuan:

- Menjadikan pelajar lebih aktif dalam proses pemerolehan pengetahuan dan kemahiran bahasa.
- Menggalakkan pelajar bertanggung jawab dalam proses pembelajaran mereka sendiri.
- Mengamalkan model pengajaran dan pembelajaran aktif bersesuaian dengan peringkat dan tahap pengajian.

Bagi mengaktifkan pendekatan ini pelbagai kaedah dan teknik boleh digunakan mengikut kesesuaian. Antaranya adalah:

- Simulasi – murid menggunakan bahasa Arab dalam melakonkan watak di dalam satu situasi yang menyerupai keadaan sebenar.
- Perbincangan – aktiviti berkumpulan untuk bekerjasama antara pelajar bagi berkongsi pendapat dalam mencari jawapan/penyelesaian bagi sesuatu masalah.
- Sumbangsan – untuk mendapatkan banyak idea daripada murid.
- Flipped classroom – memberi persediaan awal kepada pelajar dan berbincang di dalam kelas.
- Lawatan luar – membawa sekumpulan pelajar ke tempat tertentu dengan menggunakan bahasa Arab.

Kaedah pengajaran yang dikendalikan oleh guru amat penting bagi memastikan objektif tercapai. Guru boleh menggunakan pelbagai teknik bagi mengaktifkan penglibatan pelajar dan menggunakan strategi yang sama dengan strategi penguasaan bahasa yang digunakan oleh pelajar seperti dapatan hasil kajian yang dijalankan oleh Rosni Samah dan Aishah Isahak (2021).

Begitu juga guru hendaklah mempelbagaikan aktiviti pembelajaran yang boleh mengaktifkan penglibatan pelajar seperti aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh juru latih debat. Mengikut kajian Rosni Samah et al. (2013) jurulatih debat menggunakan strategi pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi. Dalam strategi ini pendebat dilatih mencari ayat-ayat yang boleh digunakan untuk perdebatan. Kemudian ayat-ayat ini diperkukuhkan dengan ajukan dan ulangan serta membina ayat lain dengan berpandukan struktur dan kosa kata ayat yang telah dihafal. Sesudah itu mereka berlatih dalam kumpulan kecil menggunakan bahasa yang dikuasai bagi membina kemahiran.

Antara cabaran yang didapati melalui kajian lepas adalah persekitaran pembelajaran yang kurang diwujudkan. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran masih berpusatkan guru. Ibnu Khaldun (2002) menjelaskan bahawa bahasa merupakan kemahiran yang boleh dikuasai oleh setiap penutur yang sempurna sifat pertuturannya. Kunci utama bagi kemahiran ini ialah pendengaran. Pelajar hendaklah belajar melalui pendengaran terlebih dahulu. Kemudian diikuti oleh pertuturan melalui hafalan, ulangan, latihan, pengayaan, ajukan dan tiruan. Dalam masa yang sama, persekitaran bahasa yang disebut sebagai "*Biah Mustonaah*" hendaklah dicipta melalui aktiviti bahasa yang dibangunkan sama ada di dalam kelas atau di luar kelas.

Peserta kajian turut menyokong agar diwujudkan persekitaran bahasa dan menggunakan bahasa Arab dalam pengajaran. Bagi meningkatkan penguasaan bahasa pelajar, persekitaran hendaklah dihidupkan di dalam kelas dengan kepelbagaian aktiviti yang boleh dilaksanakan dalam bahasa Arab. Begitu juga guru hendaklah menggunakan bahasa Arab dalam proses pengajaran. Aktiviti bahasa di luar kelas juga perlu diwujudkan untuk meningkatkan penguasaan bahasa pelajar dengan lebih berkesan.

Littlewood (1981) berpendapat bahawa persekitaran sosial hendaklah dibina di dalam kelas bagi membolehkan pelajar menggunakan bahasa. Bagi menghidupkan persekitaran bahasa, beliau mencadangkan empat pendekatan yang mengandungi (a) penggunaan bahasa asing sepenuhnya dalam pengurusan kelas, (b) penggunaan bahasa asing dalam pembelajaran, (c) penggunaan bahasa asing dalam perbincangan, dan (d) adaptasi dialog dalam berkongsi pengalaman atau masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Mengikuti Lily Hanefarezan Asbulah et al. (2020) persekitaran bahasa hendaklah dibina di dalam kelas dan juga di luar kelas bagi merangsang aktiviti bahasa yang boleh dilaksanakan berbentuk harian.

Persekitaran bahasa perlu dihidupkan bagi membantu pelajar menggunakan bahasa dalam situasi sebenar. Persekitaran ini perlu dimulakan di dalam kelas melalui proses pembelajaran yang menggunakan bahasa Arab. Guru hendaklah membiasakan pelajar menggunakan bahasa dalam kelas. Begitu juga aktiviti luar kelas dengan menggunakan bahasa Arab perlu dirancang dan dihidupkan. Guru hendaklah selalu menggunakan bahasa Arab ketika bertemu dengan pelajar. Aktiviti bahasa ini boleh dihidupkan dalam pelbagai bentuk seperti sukan, kuiz, gotong royong dan aktiviti santai.

PENUTUP

Hasil kajian ini yang dijalankan melalui kajian lepas menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa Arab hari ini menghadapi beberapa cabaran. Antaranya ialah kelemahan pelajar disebabkan kurang bermotivasi dan kurang penggunaan strategi, sukatan pelajaran yang kurang berfokus, kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dengan menggunakan teknik terjemahan dan persekitaran pembelajaran yang kurang diwujudkan. Bagi mencari solusi, peserta kajian telah mencadangkan solusi bagi setiap cabaran tersebut. Pihak bertanggung jawab boleh melihat semula pendekatan pembelajaran dengan mengambil kira solusi yang diutarakan seperti mendedahkan kepada pelajar strategi pembelajaran bahasa yang berkesan, penggunaan sukatan dari standard CEFR bagi menyesuaikan kemahiran dan tahap yang dikehendaki, proses pembelajaran berpusatkan murid dengan pelbagai teknik yang sesuai, dan mewujudkan persekitaran bahasa di dalam dan luar kelas khususnya pembelajaran hendaklah menggunakan bahasa sasaran.

RUJUKAN

Buku

- Abdul Rahim, I. (1994). *Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Permasalahan dan Penyelesaian*. Dlm: Muhammad Bukhari Lubis. Persuratan Islam. Kuala Lumpur: DBP.
- Ibnu Khaldun. (2002). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Bayrut: Dar Qalam.
- Littlewood, W. (1981). *Communicative language teaching: An introduction*. Cambridge: Cambridge Language Teaching Library.
- Osman, K. (1993). *Pengajian Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia*. Dlm: Ismail, A. R., Abd Aziz, A. & Mohd Yasin, M. (pynt). Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: cabaran dan harapan. Kuala Terengganu: Penerbit Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, 210-217.
- Rosni, S., (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni, S., (2013). *Kaedah Pengajaran Kos Kata Bahasa Arab untuk Pelajar Bukan Arab*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Saudah, H. (1994). *Permasalahan Bahasa Arab dan Masalah Pembelajaran. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asing*. Dlm: Masyarakat Pelbagai Etnik di Malaysia. Bangi: Pusat Bahasa Universiti Kebangsaan Malaysia, 90-98.
- Zainur, A. R. & Rosni, S. (2007). *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Jurnal

- Izzah, S. M., & Rosni, S. (2020). The Ability to Translate Arabic Vocabulary among STAM Student. *Sains Humanika*. 12(3), 12-23.
- Jamil, S. M. Z. (2021). Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Bahasa (Oxford) Dengan Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 16-29.

- Lily, H. A., Maimun, A. L., Ashinida, A., & Mus'ab, S. (2020). The level of students' engagement in Arabic within public universities. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 35(1), 1-16.
- Linamalini, M. N., & Kamarul Shukri, M. T. (2020). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Berdasarkan Pencapaian Bahasa Arab Dalam Kalangan Mahasiswa Di Kelantan. *Jurnal KIAS*, 13(1), 67 - 89.
- Muhammad Firdhaus, Z., Muhammad Muthi'ulal-Haqq, F. Y., Mohd Aizul, Y., & Mohammad Roshimi, A. (2023). Proposed Standard Of Arabic Reading Proficiency Based On The Common European Framework Of Reference For Language (Cefr) Levels A1 and A2. *International journal of advanced research (IJAR)*, 11(08), 733-744.
- Najah Nasuha, M. Y., & Harun, B. (2024). Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab dalam Kemahiran Bertutur Pelajar di Sekolah Agama Menengah (SAM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(4), 1-14.
- Nik Fairuz, A., & Harun, B. (2020). Guru perlu memberi pendedahan terhadap strategi penguasaan kosa kata Bahasa Arab yang berkesan kepada murid untuk diamalkan sama ada di dalam atau di luar kelas. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 17-23.
- Rosni, S., & Aishah, I. (2021). Teaching Speaking Skills in Arabic Language for Non-Arabic Speakers: Effects of Using Direct Method. *Journal of Islamic Educational Research*, 6, 4-6.
- Rosni, S., Aishah, I., & Wan Azura, W. A., (2020). Amalan guru cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa dan sastera Arab mengikut strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 35(1), 37-54.
- Rosni, S., Aishah, I., Khairul Asyraf, M. N., Mohamad Yazid, A. M., Mohd Adi Amzar, M. N., Hishomudin, A. (2023). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Sastera dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 64-77.
- Rosni, S., Fariza, P-B., Noor Saazai, M. S., Suraini, M. A., Ramiaida D., Haliza, H., (2016). Effective Methods in Learning Arabic Language as a Foreign Language. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 349-355.
- Rosni, S., Mohd Fauzi, A. H., Shaferul, H. S., & Amizan Helmi, M. (2013). Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(2), 99-115.
- Zainur, R., Rosni, S., Mohammad Fauzi, J. & Mohd Shahrman, A. B. (2016). Kebolehan Menguasai Kosa Kata Bahasa Arab dalam Buku Teks di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 5, 33 - 43.

Tesis

- Tarmizi. (1997). *Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistic. University Malaya.

Persidangan

- Ibtisam, A., Ashinida, A. & Mohamad Azwan, K. (2020). *Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Berteraskan Standard CEFR: Satu Kajian Tahap Penguasaan Bahasa*. Prosiding Webinar Kebangsaan Isu P&P Bahasa Arab di IPT 2020. 18 Disember 2020. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Abdul Razif, Z., Muhammad, R., Rufian, I., Mohamad, R., Nurshamsinar, Z., Hasmadi Hamdan. (2017). *Permasalahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.